



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP EKONOMI
KOD KURSUS : DSM1043/DPI2093
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (50 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Buku Jawapan
 - iii. Kertas Graf

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 8 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

THE UNIVERSITY OF CHICAGO
DEPARTMENT OF CHEMISTRY
5800 S. DICKINSON DRIVE
CHICAGO, ILLINOIS 60637

RECEIVED
JAN 15 1964

PROF. J. H. GOLDSTEIN
UNIVERSITY OF CHICAGO
5800 S. DICKINSON DRIVE
CHICAGO, ILLINOIS 60637

Dear Professor Goldstein:

I am pleased to inform you that your paper, "The Structure of the
Liquid Phase of a Polymer Solution," has been accepted for publication
in the *Journal of Polymer Science*, Part B, Vol. 2, No. 1, pp. 1-10,
January 1964.

Sincerely,
J. H. Goldstein


BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab SEMUA soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Rajah 1 di bawah menunjukkan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) bagi pakaian dan makanan dalam sesebuah negara.




Rajah 1

Berdasarkan rajah 1 di atas:

- a. Apakah jenis Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP) tersebut? Mengapa? (2 markah)
- b. Hitungkan:
 - i. Kos lepas pengeluaran 4 unit makanan. (1 markah)
 - ii. Kos lepas 10 unit pakaian. (1 markah)
 - iii. Kos lepas 5 unit makanan. (1 markah)
- c. Berikan **tiga(3)** andaian bagi Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP). (3 markah)
- d. Kedudukan titik kekurangan berlaku pada titik _____ dan titik pilihan berlaku pada titik _____. (2 markah)

SOALAN 2

Rajah 2 di bawah menunjukkan keluk permintaan pen.



Rajah 2

Berdasarkan rajah 2 di atas:

- Hitungkan nilai keanjalan permintaan harga pen apabila harga turun dari RM3 per unit ke RM2 per unit.
(3 markah)
- Berdasarkan nilai keanjalan yang telah dikira, apakah darjah keanjalan permintaan harga pen tersebut?
(1 markah)
- Berikan **dua(2)** contoh barang yang mempunyai darjah keanjalan permintaan harga yang sama seperti di atas.
(2 markah)
- Hitungkan keanjalan permintaan pendapatan apabila pendapatan meningkat dari RM1000 ke RM2000 dan kuantiti meningkat dari 10 unit ke 15 unit.
(3 markah)
- Berdasarkan nilai keanjalan pendapatan yang dikira, apakah jenis barang tersebut?
(1 markah)

SOALAN 3

Jadual 1 di bawah menunjukkan kuantiti diminta (Q_d) dan kuantiti ditawarkan (Q_s) bagi sayur kobis pada pelbagai tingkat harga.

Harga (RM/kg)	Kuantiti ditawarkan	Kuantiti diminta
2.00	100	500
3.00	200	400
4.00	300	300
5.00	400	200
6.00	500	100

Jadual 1

Berdasarkan jadual 1 di atas:

- Lukiskan keluk permintaan dan penawaran di atas graf yang sama.
(3 markah)
- Nyatakan harga dan kuantiti keseimbangan?
(2 markah)
- Jika kobis dijual pada harga RM5.00, adakah terdapat lebih permintaan atau lebih penawaran kobis? Nyatakan nilai lebih tersebut.
(3 markah)
- Berapakah harga barang apabila berlaku lebih permintaan sebanyak 200 unit?
(2 markah)

SOALAN 4

Jadual 2 di bawah menunjukkan data pendapatan negara bagi sesebuah negara.

Butiran	RM bilion
Eksport bersih	110
Perbelanjaan kerajaan	990
Perbelanjaan penggunaan isi rumah	245
Pembentukan modal tetap kasar	880
Keuntungan tak dibahagi	125
Cukai pendapatan syarikat	190
Bayaran pindahan	120
Susutnilai	120
Cukai tak langsung	180
Subsidi	120
Pendapatan faktor bersih dari luar negara	440
Caruman PERKESO	220
Cukai pendapatan individu	260

Jadual 2

Berdasarkan jadual 2 di atas, hitungkan;

- Keluaran Dalam Negara Kasar pada harga pasar ($KDNK_{hp}$) (3 markah)
- Keluaran Negara Kasar pada kos faktor (KNK_{kf}) (3 markah)
- Keluaran Negara Bersih (KNB) (2 markah)
- Pendapatan Boleh Guna (2 markah)

SOALAN 5

Data kewangan Negara JKK adalah diberi seperti berikut (dalam RM juta):

Butiran	RM (Juta)
Wang kertas	300
Wang syiling	120
Deposit tetap dan simpanan di bank perdagangan	1250
Sijil-sijil Bank Negara Malaysia	1750
Sijil Deposit bolehniaga	2500
Deposit tetap dan simpanan di bank saudagar	2250
Deposit tetap di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	1000
Deposit semasa	2100

Jadual 3

a. Kirakan wang fiat.

(2 markah)

b. Kirakan:

i. M1

(2 markah)

ii. M2

(2 markah)

iii. M3

(2 markah)

c. Kirakan "wang hampir" (wang kuasi).

(2 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT(4)** soalan. Jawab **DUA(2)** soalan sahaja.

Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Senaraikan **empat(4)** andaian Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).
(2 markah)
- b. Nyatakan **tiga(3)** jenis barang yang wujud di dalam ekonomi.
(3 markah)
- c. Lukiskan gambar rajah Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP), terangkan konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas.
(8 markah)
- d. Huraikan **tiga(3)** ciri-ciri yang membezakan sistem ekonomi pasaran bebas dengan sistem ekonomi terancang.
(12 markah)

SOALAN 2

- a. Lukiskan gambar rajah keluk penawaran rumah PPAM di Bandar Akademik YPJ apabila berlakunya penurunan harga rumah PPAM?
(5 markah)
- b. Lukiskan gambar rajah, bezakan antara perubahan dalam kuantiti diminta dengan perubahan dalam permintaan.
(10 markah)
- c. Lukiskan gambar rajah, terangkan **lima(5)** faktor-faktor yang mempengaruhi peralihan keluk penawaran.
(10 markah)

SOALAN 3

a. Berdasarkan gambar rajah, apakah yang dimaksudkan dengan keseimbangan pasaran?

(5 markah)

b. Apabila kerajaan mengenakan cukai kepada barang-barang dan perkhidmatan, jelaskan kesan ke atas keluk penawaran, beban kepada pengguna dan pengeluar.

(10 markah)

c. Huraikan **lima (5)** masalah pengiraan pendapatan negara.

(10 markah)

SOALAN 4

a. Senaraikan **lima(5)** ciri wang.

(5 markah)

b. Jelaskan **empat(4)** fungsi bank perdagangan.

(10 markah)

c. Huraikan **empat(4)** jenis halangan perdagangan.

(10 markah)

[50 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

